

Kenyataan Dasar
Autoriti Monetari Brunei Darussalam
1/2016

Tarikh: 29 Julai 2016

Ekonomi Global

1. Dalam beberapa bulan pertama tahun 2016 pasaran kewangan mengalami ketidaktentuan, terutamanya di kalangan *emerging markets*. Secara keseluruhan, tiga faktor utama terus membentuk persekitaran ekonomi global: kelembapan ekonomi di China, normalisasi dasar monetari di Amerika Syarikat, dan harga komoditi yang rendah.

Perkembangan Ekonomi Negara Brunei Darussalam

2. Ekonomi domestik terus menghadapi cabaran. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) meningkat sebanyak 3.6% tahun-ke-tahun pada suku pertama 2016 disebabkan peningkatan dalam Sektor Minyak dan Gas sebanyak 7.6% tahun-ke-tahun, manakala Sektor Bukan Minyak dan Gas menurun 1.9% tahun-ke-tahun. Aktiviti di Sektor Perkhidmatan masih lemah, menurun sebanyak 0.7% tahun-ke-tahun disebabkan oleh kelembapan dalam Perkhidmatan Kerajaan, Perkhidmatan Perniagaan, dan Perkhidmatan Pengangkutan Lain. Walaubagaimanapun, Sektor Perindustrian Bukan Minyak dan Gas menunjukkan kelembapan dengan penurunan sebanyak 11.0% tahun-ke-tahun.
3. Harga pengguna bagi tempoh lima bulan pertama tahun 2016 menurun 0.5% tahun-ke-tahun di mana Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi Mei 2016 adalah -0.3% tahun-ke-tahun. Harga menurun bagi Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Bakar Lain; Pengangkutan; Kesihatan; Restoran dan Hotel; Makanan dan Minuman Ringan; dan Perhubungan. Harga makanan global

kekal sederhana di mana Indeks Harga Makanan UNFAO menurun sebanyak 1.0% tahun-ke-tahun pada Jun 2016. Harga makanan dan komoditi yang rendah serta kadar pertukaran Dolar Brunei yang stabil dijangka akan terus mengurangkan tekanan ke atas inflasi dalam negeri.

Perkembangan Kewangan Negara Brunei Darussalam

4. AMBD telah mengeluarkan satu direktif kepada semua bank mengenai penggunaan *Minimum Cash Balances* (MCB) untuk pengurusan kecairan kewangan harian (*intraday liquidity maintenance*) di dalam sistem *Real-Time Gross Settlement* (RTGS). Direktif ini mula berkuatkuasa pada 4hb April 2016 secara percubaan selama tempoh enam bulan. Direktif ini membolehkan bank-bank untuk menggunakan dan memindahkan sebahagian daripada MCB mereka kepada sistem RTGS setiap hari. Ianya juga akan membekalkan bank-bank dengan cairan kewangan harian untuk menyelesaikan obligasi pembayaran mereka kepada mana-mana bank yang lain pada hari yang sama. Di samping itu, ianya juga dapat meningkatkan penyelesaian aliran kewangan harian dalam sistem RTGS dan mengurangkan pergantungan bank-bank daripada mendapatkan pembiayaan luaran.
5. AMBD telah memberikan kebenaran bagi Bank of China (Hong Kong) Limited (BOCHK) untuk menujuhkan sebuah cawangan perbankan di Negara Brunei Darussalam. BOCHK adalah sebuah bank yang diperbadankan di Hong Kong dan dimiliki oleh Kumpulan Bank of China (BOC). Kumpulan BOC tersenarai sebagai bank keempat terbesar secara global dari segi *Tier 1 Capital* dan bank ketujuh terbesar dari segi aset menurut keputusan bagi Kedudukan Carta 1000 Bank Dunia pada tahun 2015 oleh The Banker¹. BOCHK adalah merupakan salah sebuah kumpulan bank komersial yang terbesar dan terkemuka di Hong Kong dari segi jumlah aset dan deposit pelanggan yang menawarkan pelbagai

¹ The Banker adalah penerbitan industri perbankan yang bebas yang menyediakan perisikan ekonomi dan kewangan bagi sektor kewangan dunia dan mempunyai reputasi bagi penyediaan laporan yang objektif dan ringkas.

jenis produk dan perkhidmatan kewangan kepada pelanggan retail, korporat dan pelanggan institusi. AMBD berpendapat bahawa penubuhan operasi perbankan BOCHK di negara ini akan memberikan kesan positif kepada ekonomi tempatan yang mana adalah juga selaras dengan pelan strategik AMBD, khususnya dalam mengalu-alukan institusi-institusi kewangan yang terkemuka untuk beroperasi di Negara Brunei Darussalam. Di samping itu, penubuhan operasi perbankan BOCHK ini juga akan dapat membantu merangsang persaingan yang kompetitif di antara bank-bank yang sedia ada dalam industri perbankan di Negara ini.

6. Pada 5hb April 2016, The Hongkong and Shanghai Banking Corporation Limited, Cawangan Negara Brunei Darussalam (HSBC Brunei) telah mengumumkan mengenai dengan pelan perniagaan strategik masa depannya iaitu untuk menamatkan operasinya di negara ini dengan proses *winding down* secara berfasa. Keputusan HSBC merupakan sebahagian daripada strategi globalnya untuk memberikan fokus kepada operasi utama (*core business*) di beberapa buah pasaran sahaja. AMBD akan sentiasa memantau perkembangan dan rancangan HSBC dari masa ke semasa bagi memastikan gangguan kepada para pelanggan, kakitangan, sektor kewangan, dan ekonomi Negara Brunei Darussalam adalah pada tahap minima.
7. Sektor kewangan Negara khususnya industri perbankan telah menunjukkan pengagihan aset secara progresif daripada pelaburan di luar negeri kepada pelaburan di dalam negeri sejak enam tahun yang lalu. Aset di luar negara pada suku pertama 2016 adalah sebanyak BND7.8 billion atau 44.9% daripada jumlah keseluruhan aset dan ianya telah menurun sejak tahun 2010. Pada suku pertama 2016, aset dan deposit industri perbankan telah menunjukkan penurunan masing-masing sebanyak 5.2% dan 5.5% tahun-ke-tahun. Walaubagaimanapun, terdapat pertumbuhan kredit yang positif sebanyak 8.5% tahun-ke-tahun daripada BND5.6 billion pada suku pertama 2015 kepada BND6.1 billion pada suku pertama 2016. Pemacu utama bagi

pertumbuhan kredit adalah sektor perniagaan/korporat, dengan peningkatan sebanyak 11.7% tahun-ke-tahun.

8. Penunjuk Kekuahan Kewangan Utama, khususnya institusi perbankan telah menunjukkan kedudukan kewangan yang kukuh dengan agregat Nisbah Kecukupan Modal sebanyak 20.5% pada suku pertama 2016, yang mana melebihi keperluan minima 10% seperti yang dikehendaki di dalam Perintah Perbankan, 2006 dan Perintah Perbankan Islam, 2008. Pada suku pertama 2016, nisbah keuntungan Pulangan ke atas Aset and Pulangan ke atas Ekuiti adalah masing-masing sebanyak 1.2% dan 7.4%. Manakala nisbah pembiayaan yang tertunggak (*gross non-performing loans/financing ratio*) pula kekal pada 4.7% pada suku pertama 2016.
9. AMBD, sebagai *champion* bagi petunjuk Mendapatkan Kredit di bawah inisiatif World Bank Group *Ease Of Doing Business* (EODB), telahpun melaksanakan beberapa langkah-langkah bagi memudahkan perusahaan kecil dan sederhana (*small and medium enterprises*) untuk mendapatkan pembiayaan. Dalam reformasi tersebut, sebuah Pejabat Pendaftaran Cagaran yang baru telah ditubuhkan untuk mendaftar dan menerbitkan cagaran-cagaran yang berkaitan dengan harta peribadi. Antaralainnya juga, sebuah undang-undang baru berdasarkan amalan terbaik dan model antarabangsa, iaitu *Secured Transactions Order 2016* telahpun digubal pada Mac 2016. Dengan reformasi ini, kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam kedudukan *ranking* EODB dijangka untuk meningkat.
10. Pada bulan Mac 2016, AMBD telah memeterai satu Memorandum Persefahaman Berbilanghala (MMOU) International Organization of Securities Commissions yang mana di bawah MMOU tersebut, AMBD boleh menggunakan mekanisma yang terkandung untuk bekerjasama dan menukar maklumat secara teratur di antara pengawalselia pasaran modal di negeri-negeri lain yang juga telah memetarai MMOU tersebut. MMOU tersebut adalah sebahagian daripada rancangan strategik jangka panjang AMBD untuk meningkatkan keberkesanan keupayaan pengawalseliaan AMBD di dalam pasaran modal.

11. AMBD melalui Unit Penasihat Kewangan Islam (UPKI), sedang melaksanakan audit Syariah ke atas satu produk pembiayaan perbankan. Audit Syariah ini juga akan dilaksanakan pada suku ketiga tahun 2016 ke atas salah satu produk takaful. Objektif audit Syariah ialah untuk memastikan produk-produk yang ditawarkan oleh institusi-institusi kewangan Islam tempatan mematuhi Hukum Syara' dan juga untuk menepati perintah undang-undang yang berkenaan seperti Perintah Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah 2006, Perintah Perbankan Islam 2008, Perintah Takaful 2008 dan Perintah Pasaran Sekuriti 2013.

Perkembangan Masa Depan

12. Dengan mengambil kira keadaan fiskal yang mencabar, perkembangan ekonomi yang kurang memberangsangkan dan persekitaran kadar inflasi yang negatif, penggubal-penggubal dasar perlu mempertimbangkan berbagai alat-alat dasar untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang konsisten dengan pengekalan kestabilan makroekonomi. Dari segi sektor kewangan, AMBD akan mempertingkatkan lagi usaha untuk menyokong pembaharuan struktur yang bertujuan untuk memperbaiki kualiti maklumat peminjam dan kualiti cagaran pinjaman bagi meningkatkan *financial intermediation* dan pinjaman kepada sektor korporat. Ini juga boleh mengurangkan kos pinjaman dan risiko kredit dan seterusnya meningkatkan kadar kejayaan korporat-korporat secara menyeluruh.
13. AMBD akan melaksanakan satu rangka kerja pengawalseliaan yang berdasarkan *Basel II Capital Adequacy* pada tahun 2017. Pelaksanaan tersebut merupakan komitmen AMBD untuk mengamalkan praktis dan piawaian kewangan antarabangsa yang terbaik bagi memperkuuhkan lagi daya tahan sistem perbankan Negara dan juga dalam mencapai objektif AMBD untuk memastikan kestabilan kewangan di Negara ini. Sebagai satu langkah awal, AMBD telah mengeluarkan tiga kertas perundingan kepada Persatuan Bank-

Bank Brunei bagi mendapatkan pandangan terhadap cadangan-cadangan pelaksanaan rangka kerja *Basel II* tersebut.

Sumber-sumber data:

Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri
Food and Agriculture Organization of the United Nations